

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	19/12/2019	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Banjir terburuk selepas 6 tahun

Air naik dalam masa tiga jam di Kampung Bukit Perawas


AKMALLIAH RAZAK

JELI

“K amihanyaman-pu menyelamatkan diri sendiri kerana air memasuki kawasan rumah dengan cepat sehingga kami terperangkap,” kata penduduk Kampung Bukit Perawas, Ayer Lanas, Abdullah Ibrahim, 62, yang berdepan situasi banjir sejak kelmarin.

Abdullah berkata, hujan yang berlarutan sejak jam 9 malam menyebabkan lebih 10 rumah di kampung berkenaan ditenggelami air.

Menurutnya, hanya da-



Antara kediaman penduduk Kampung Ayer Lanas yang ditenggelami air semalam. Gambar kecil: Abdullah

lam masa tiga jam, air mula masuk ke bahagian rumah dan penduduk kampung yang terkesan berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Mene-

ngah Kebangsaan (SMK) Ayer Lanas. “Kali terakhir kami berdepan situasi banjir seperti ini adalah pada tahun 2013 dan bah kuning 2014,

kami tidak terkesan. “Ia satu situasi yang amat mengesitkan dan pada jam 1.30 pagi, kami berpindah. Semua harta benda ditenggelami air,” katanya ketika

Banjir gelombang kedua di Kelantan bermula

KOTA BHARU - Banjir gelombang kedua di Kelantan sudah bermula semalam dengan jajahan Jeli menjadi kawasan pertama dinaliti air sejak lewat malam kelmarin.

Berdasarkan portal publicinfobanjir.water.gov.my paras air di Sungai Golok di Jenoh sudah melepasi paras bahaya iaitu 25.30 meter (m) (bahaya 23.50m) dan menunjukkan trend meningkat.

Empat sungai melepasi paras berjaga-jaga ialah Sungai Kelantan di Kusal berada pada bacaan 12.98m (berjaga-jaga 12m), Sungai Golok di Rantau Panjang pula 7.84m (berjaga-jaga 7m), Sungai Lebir di Tualang 28.81m (berjaga-jaga 27m) dan Sungai Pergau di Air Botol Jeli, 71.85m (berjaga-jaga 71.30m).

ditemui di PPS SMK Ayer Lanas di sini semalam. Sementara itu, lebih 50 kakitangan awam termasuk stat di Hospital Jeli terkandas apabila jalan utama di Ayer Lanas di sini ditenggelami

air sejauh 200 meter. Pengguna jalan raya, Che Azlan Che Dir berkata, dia dalam perjalanan dari rumahnya di Tunjapat namun terkandas di laluan terbabit.